



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/8/2012

Penubuhan negara Islam Malaysia mengikut interpretasi Pas

Karpal tidak akan setuju - Tun M

UM - 11/08/2012

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Penubuhan negara Islam Malaysia mengikut interpretasi Pas adalah perkara yang paling tidak dipersejajui Pengerusi DAP, Karpal Singh.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Karpal sangat tidak bersetuju dengan perjuangan itu sehingga pernah berkata 'langkah mayatnya dahulu' jika Pas mahu membentuk negara Islam.

"Dua perkara mereka (DAP) tidak setuju adalah hukum hudud dan negara Islam tetapi kita memang negara Islam, saya sudah isytiharkan dan semua orang iktiraf, tanya Palestin pun mereka iktiraf kita negara Islam.

"Dia (Karpal) tidak setuju dengan hudud itu soal lain, yang Karpal tak setuju 'Over my dead body' kalau nak jadikan Malaysia negara Islam ala Pas," katanya pada sidang akhbar selepas majlis simbolik penyampaian sumbangan sebanyak 500,000 botol 1.5 liter kepada penduduk Gaza, Palestin, di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai penolakan berterusan DAP terhadap pelaksanaan hukum hudud yang menjadi agenda Pas sedangkan kedua-dua parti itu berada dalam satu pakatan politik.

Berhubung reaksi beberapa ulama dan tokoh agama bahawa adalah



DR. Mahathir Mohamad menyerahkan 500,000 botol waqaf air untuk Gaza kepada Imam Besar Al-Amin Gaza, Sheikh Omar Mohamad Fora (dua dari kanan) sambil diperhatikan Imam Muda Al-Amin Gaza, Sheikh Salman M.Z Al-Saudi (kiri) dan Pengerusi Yayasan Perdana Keamanan Sedunia, Tan Sri Norian Mai di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur, semalam.

- UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

haram umat Islam menyokong DAP kerana parti itu mementang penubuhan negara Islam dan hukum hudud, Dr. Mahathir berkata, perkara

tersebut terpolang kepada umat Islam untuk menerimanya atau tidak.

"Itu pendapat mereka yang

mempunyai ilmu mendalam berkaitan agama, kalau itu pendapat mereka, terpolang umat Islam menerimanya atau tidak, tetapi saya fikir

orang ramai tidak akan mengikut orang-orang agama ini, ini masalah kita, semua dikatakan Islam tapi tidak diamalkan," katanya.

Dalam pada itu, mengulas keputusan kerajaan menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menangani masalah berkaitan pendatang asing tanpa izin di Sabah, Dr. Mahathir berpendapat langkah tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Jelasnya, dari segi sejarah, masyarakat yang berada di sempadan antara Sabah dengan kawasan selatan Filipina saling berulang-alik, namun mereka memilih tinggal di Sabah kerana memikirkan ia lebih selamat.

"Mereka telah tinggal sekian lama dan berhak meminta kerakyatan. Saya berharap tiada usaha untuk keluaran mereka. Kita pernah hantar balik tapi mereka datang semula ke Sabah sebab ini tempat tinggal mereka," katanya.

Sementara itu, berhubung pemilihan 'Janji Ditepati' sebagai tema kebangsaan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55, Mahathir berkata, perkara tersebut adalah hak kerajaan Pusat.

Ketika ditanya mengenai isu perbezaan tema sambutan Hari Kemerdekaan di negeri-negeri ditadbir pembangkang, jelas beliau, keadaan itu jelas menunjukkan pembangkang bingung dengan hala tuju yang hendak diambil secara bersama.